



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

HARI KETIGA OPS BONGKAR: PENEMUAN KONTENA E-WASTE MENINGKAT KEPADA 151 KONTENA

Ops Bongkar, Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengesan **38 kontena** mengandungi buangan terjadual, termasuk **21 kontena sisa elektronik (e-waste)** dalam operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan di Pelabuhan Klang bagi membanteras cubaan membawa masuk buangan berbahaya secara tidak sah ke Malaysia.

Penemuan tersebut direkodkan hasil pemeriksaan pada hari ketiga pelaksanaan Ops Bongkar, yang menyaksikan **52 kontena** diperiksa hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan **151 kontena telah diperiksa** sepanjang tiga hari operasi dijalankan.

Operasi bersepadu itu melibatkan pegawai daripada Ibu Pejabat JAS, JAS Negeri Selangor, JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta JAS Negeri Sembilan, dengan kerjasama beberapa agensi strategik iaitu Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan SIRIM.

Sebagai agensi penguatkuasaan utama di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, JAS mengetuai dan menyelaras keseluruhan operasi termasuk pemeriksaan fizikal kontena, semakan dokumentasi pengimportan serta penilaian teknikal bagi mengenal pasti kandungan buangan terjadual. Tindakan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan bagi memastikan Malaysia tidak dijadikan destinasi pelupusan buangan haram, khususnya sisa elektronik yang boleh memberi kesan serius kepada alam sekitar dan kesihatan awam.

Susulan penemuan tersebut, JAS akan memulakan proses pemulangan semua kontena yang mengandungi e-waste ke negara asal selaras dengan prosedur di bawah Konvensyen Basel. Notifikasi pemulangan akan dikemukakan kepada negara

asal, manakala Notis Arahan turut akan dikeluarkan kepada pihak yang membawa masuk kontena berkenaan. Sekiranya pihak terlibat gagal menguruskan pemulangan kontena tersebut, tindakan tegas boleh diambil di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, yang memperuntukkan denda maksimum sehingga RM10 juta atau penjara sehingga lima tahun, atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Proses pemulangan kontena dijangka mengambil masa sehingga enam bulan atau lebih, bergantung kepada persetujuan pihak-pihak terlibat termasuk kerajaan negara asal kontena tersebut. Kerajaan menegaskan bahawa Malaysia tidak akan menjadi tapak pelupusan buangan dunia, dan sebarang cubaan melanggar undang-undang berkaitan pengimportan buangan terjadual akan dikenakan tindakan tegas tanpa kompromi.

JABATAN ALAM SEKITAR
5 MAC 2026



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763